



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 53 No. 13	26hb Jun 2009	TAMBAHAN No. 59 PERUNDANGAN (B)
-------------------	---------------	------------------------------------

P.U. (B) 205.

ORDINAN BURUH SARAWAK

PEMBERITAHUAN (PEMBERHENTIAN KERJA) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 60 Ordinan Buruh [Sarawak Bab 76], Pengarah membuat pemberitahuan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

- 1 [1] Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan **Pemberitahuan (Pemberhentian) Kerja 2009**.
- [2] Pemberitahuan ini mula berkuat kuasa pada 26 Jun 2009.

Borang

- 2 [1] Tiap-tiap majikan, pemilik berdaftar tanah dan mana-mana orang yang tinggal atau mempunyai tempat perniagaan di atas tanah hendaklah melengkapkan dan mengemukakan borang pemberitahuan pemberhentian kerja, sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual berhubung pemberhentian kerja orang yang digaji untuk bekerja dengannya.
- [2] Kegagalan mematuhi subperenggan 4 (1) adalah suatu kesalahan di bawah seksyen 130M Ordinan Buruh (Sarawak Bab. 76).